



**AMALAN PENTAKSIRAN DI TASKA PERMATA KELUARGA
YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU,
DAERAH KUALA NERUS:
SATU KAJIAN KES**

NUR AIN BINTI SULAIMAN



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai amalan pentaksiran di TASKA PERMATA Keluarga YPKT. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti amalan pentaksiran, garis panduan aktiviti pentaksiran, amalan rekod dan laporan pentaksiran serta bentuk penglibatan ibu bapa yang membantu dalam amalan pentaksiran yang dilaksanakan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT. Kajian kes ini melibatkan dua kumpulan informan iaitu Kumpulan A terdiri daripada guru yang berkhidmat di TASKA PERMATA Keluarga YPKT (4 orang) dan Kumpulan B ibu bapa yang menghantar anak-anak menjalani sesi asuhan dan didikan awal di TASKA PERMATA Keluarga YPKT (4 orang). Temu bual kumpulan berfokus dijalankan menggunakan soalan temu bual semi berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan kekerapan amalan aktiviti pentaksiran yang dijalankan sebanyak tiga kali setahun dan dijalankan sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti lain. Tindakan susulan selepas aktiviti pentaksiran juga dilaksanakan beserta aktiviti pengayaan, pengukuhan dan juga pemulihan. Kurikulum PERMATA Negara dijadikan garis panduan untuk menjalankan aktiviti pentaksiran dan rancangan aktiviti kanak-kanak dirancang mengikut tahap perkembangan mereka. Antara rekod yang dikenalpasti digunakan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT adalah buku log, Buku Rekod Perkembangan Kanak-kanak PERMATA, rekod anekdot, rekod pemerhatian, catatan buku kecil dan juga laporan *online* NCDC. Ibu bapa di TASKA PERMATA Keluarga YPKT aktif melibatkan diri dalam aktiviti pentaksiran. Ibu bapa kerap menghadiri program temu murni dan terlibat dalam aktiviti empat jam sebulan di TASKA. Ibu bapa memberikan respon yang aktif berkaitan aktiviti pentaksiran di media massa seperti *Group WhatsApp* dan *Facebook*. Kesimpulannya, guru TASKA masih lagi kurang mengetahui, memahami dan mengamalkan garis panduan yang betul untuk melaksanakan aktiviti pentaksiran. Pengetahuan guru berkaitan kepelbagaian rekod untuk mentaksir kanak-kanak juga terhad. Penglibatan ibu bapa yang aktif adalah sangat membantu aktiviti pentaksiran yang dilaksanakan. Implikasi daripada kajian ini menunjukkan tahap amalan pentaksiran guru-guru TASKA yang membantu ibu bapa mengetahui rentetan perkembangan kanak-kanak.





ASSESSMENT PRACTICE IN TASKA PERMATA KELUARGA YAYASAN PEMBANGUNAN KELUARGA TERENGGANU, KUALA NERUS DISTRICT: A CASE STUDY

ABSTRACT

The aim of this study is to evaluate the assessment practice in TASKA PERMATA Keluarga YPKT. The objectives of this study are to know the practice of assessment, the usage of assessment guidelines, the practice of assessment records and reports and also the form of parental involvement that assisted in the assessment practice implemented in TASKA PERMATA Keluarga YPKT. This case study involved two groups of informants. Group A involving teachers who worked in TASKA PERMATA Keluarga YPKT (4 persons) and Group B involving parents who sent their kids for undergoing nursery sessions and early education at TASKA PERMATA Keluarga YPKT (4 person). Focus group interview was conducted using semi-structured interview questions. The findings show that the frequency of practice of assessment activities was conducted three times a year and had been carried out during the teaching and learning process as well as other activities. Follow-up actions after the assessment activities were also carried out and also with enrichment, strengthening and rehabilitation activities. The PERMATA curriculum used as guidance for carrying out assessment activities. Child's activity planned according to their level of development. Records that identified used in TASKA PERMATA Keluarga YPKT was log book, PERMATA Children's Record Books, anecdotal records, observation records, booklet notes and NCDC online reports. Parents was actively involved in assessment activities. Parents regularly attend *temu murni* program and participate in activities four hours per month at TASKA. Parents also give active response to the assessment activities through mass media such as WhatsApp Group and Facebook. In conclusion, teachers in TASKA still do not know, understand and implement the right guidelines for performing assessment activities. Teachers' knowledge of the various assessment records for assessing children was also limited. In conclusion, assessment guide line and teacher's understanding to carry out assessment activities was important. Teacher's knowledge of the various assessment records and active parental involvement helps assessment activities carried out. Implications from this study indicate the level of practice of TASKA teacher's assessment that help parents keep track on their child's development.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xi

SENARAI RAJAH xii

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL xiii

SENARAI LAMPIRAN xv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 3

1.3 Pernyataan Masalah 9

1.4 Objektif Kajian 15

1.5 Persoalan Kajian 15

1.6 Kerangka Konseptual 16

1.7 Definisi Operasi 19

1.7.1	Amalan Pentaksiran	19
1.7.2	Kanak-Kanak	20
1.7.3	Pendidikan Awal Kanak-Kanak	21
1.7.4	Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)	22
1.7.5	Perkembangan Kanak-Kanak	23
1.7.6	Rekod	23
1.7.7	Ibu Bapa	24
1.7.8	Penglibatan Ibu Bapa	25
1.8	Limitasi Kajian	25
1.9	Kepentingan Kajian	27
1.10	Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Kurikulum PERMATA Negara	32
2.3	Buku Rekod Pentaksiran Perkembangan Kanak-kanak PERMATA	33
2.4	Teori dan Model Berkaitan	35
2.4.1	Teori Ekologi Bronfenbrenner	35
2.4.2	Teori Perkembangan Sosiobudaya Lev Vygotsky	37
2.4.3	Model Pengajaran Robert Glazer	38
2.4.4	Model Kompetensi Guru	39
2.4.5	Model Penglibatan Ibu Bapa Joyce Epstein	41

2.5	Kajian Berkaitan	42
2.5.1	Amalan Pentaksiran	43
2.5.2	Garis Panduan Pentaksiran	51
2.5.3	Rekod dan Laporan Pentaksiran Kanak-kanak	56
2.5.4	Penglibatan Ibu Bapa	62
2.6	Rumusan	68

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	70
3.2	Reka Bentuk Kajian	71
3.3	Populasi dan Sampel	72
3.4	Protokol Temu Bual	79
3.5	Kaedah Analisis Data	81
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	83
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	87
3.8	Rumusan	89

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	90
4.2	Profil Informan	91
4.3	Dapatan Kajian	91
4.3.1	Bagaimanakah amalan pentaksiran yang dijalankan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?	92

4.3.2	Apakah panduan yang dirujuk untuk pelaksanaan pentaksiran di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?	100
4.3.3	Apakah amalan rekod dan laporan pentaksiran yang dijalankan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?	110
4.3.4	Apakah bentuk penglibatan ibu bapa yang membantu amalan pentaksiran di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?	119
4.4	Rumusan	133

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	152
5.2	Rumusan Keseluruhan Kajian	153
5.3	Perbincangan Kajian	161
5.4	Implikasi Kajian	167
5.5	Cadangan Keseluruhan Kajian	168
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	169
5.7	Rumusan	171

RUJUKAN	174
----------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Bilangan Keseluruhan TASKA di Negeri Terengganu Mengikut Daerah Berdasarkan Agensi. Sumber: Sistem <i>Online National Child Data Centre (NCDC)</i>	74
3.2	Taburan TASKA PERMATA Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu. Sumber: Sistem <i>Online National Child Data Centre (NCDC)</i>	76
3.3	Pemilihan Informan Data Temu Bual	77
3.4	Faktor Pemilihan Informan Kajian Kumpulan A	78
3.5	Faktor Pemilihan Informan Kajian Kumpulan B	79
3.6	Set Soalan Temu Bual	80
3.7	Kaedah Analisis Data Kajian	81
3.8	Kesahan Pakar Bidang	85
4.1	Perbandingan Respon Guru Terhadap Tema dan Subtema Kajian	136
4.2	Perbandingan Respon Ibu Bapa Terhadap Tema dan Subtema Kajian	147



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.3	Kerangka Konseptual Kajian	18
3.1	Taburan Jenis dan Jumlah TASKA di Setiap Daerah Dalam Negeri Terengganu. Sumber: Sistem <i>Online National Child Data Centre (NCDC)</i>	73
3.2	Prosedur Pengumpulan Data	88





SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

3 M	Membaca Menulis Mengira
BOMBA	Badan Organisasi Mencegah Bencana Alam
ECEC	Early Childhood Education and Care
EQ	Emotional Quotient
IQ	Intelligence Quotient
JERIS	Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek, Sosial
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Pra Sekolah Kebangsaan
Model ADDIE	Model Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation
NAEYC	National Association for The Education Young Children
NCDC	National Child Data Centre
NCDRC	National Child Development Research Centre
NGO	Non Governmental Organization
PATH	Pemikiran Strategi Analisis
PDK	Penilaian Domain Kanak-Kanak
PdPc	Pengajaran dan Pemudah Caraan
PnP	Pengajaran dan Pembelajaran





PPPM 2013-2025	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
Program ADAK	Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak
SMS	Short Message Service
TADIKKA	Taman Didikan Kanak-Kanak
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak
YPKT	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu
ZPD	Zone Proximal Development
%	Peratus
&	Dan





SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
- B Pengesahan Rakan Penyelidik
- C Protokol Temu Bual (Guru/Pengasuh)
- D Protokol Temu Bual (Ibu Bapa/ Penjaga)
- E Transkrip Temu Bual Guru
- F Transkrip Temu Bual Ibu Bapa





BAB 1

PENGENALAN



Pendidikan di Malaysia adalah salah satu usaha berterusan kerajaan dalam memperkembangkan potensi individu secara holistik. Perlaksanaan sistem pendidikan yang menyeluruh ini berupaya untuk melahirkan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS), namun masih lagi berpegang teguh pada kepercayaan dan juga kepatuhan pada Tuhan. Perlaksanaan sistem pendidikan di Malaysia berupaya untuk membentuk masyarakat yang berilmu pengetahuan, mempunyai keterampilan serta berakhlak mulia disamping bertanggungjawab dan berupaya bagi mencapai kesejahteraan diri dan seterusnya memberi sumbangan pada keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan juga negara.





Dimensi Malaysia baru kini telah merubah pemikiran dan penerimaan ibu bapa berkaitan isu dalam dunia pendidikan. Revolusi pendidikan di Malaysia juga sedikit sebanyak telah merombak proses pengajaran guru dan pembelajaran murid. Ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran guru dan juga kanak-kanak khususnya di dalam dimensi pendidikan awal. Ab Halim dan Nur Hanani (2017), menyatakan perubahan dalam pendidikan kini memberikan impak yang besar khususnya dalam perubahan cara dan pendekatan pengajaran guru dan kesan kaedah pembelajaran murid. Situasi ini memberi pengaruh yang besar kepada pelaksanaan kurikulum dan juga sistem pendidikan yang sedia ada kini yang mana mempengaruhi proses kemenjadian murid.

Unit Perancang Ekonomi (2010), menyatakan bahawa komitmen kerajaan pada ketika itu tertumpu pada Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak (ADAK).

Perlaksanaan program ADAK ini memberi kesan pada peningkatan penyertaan kanak-kanak di antara empat dan lima tahun pada peringkat pra sekolah. Peratusan yang dilaporkan itu meningkat dari 67 % pada tahun 2010 melonjak kepada 87 % pada tahun 2012. Oleh hal yang demikian, penting bagi kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan seawal usia yang mungkin bagi mengelakkan keciciran. Perkembangan kanak-kanak harus dipantau seawal usia dan harus memberikan penekanan dari segenap aspek, tidak kira sama ada dalam proses pengajaran dan pembelajaran, aktiviti pentaksiran mahupun penglibatan ibu bapa di dalam aktiviti sekolah.

Bab ini menjelaskan berkaitan dengan kajian yang dijalankan mengenai amalan pentaksiran melibatkan kawasan kajian di TASKA PERMATA Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT). Kajian in adalah kajian yang diadaptasi





daripada Kajian Pembangunan Model Menyeluruh dan Integrasi Kualiti Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia di bawah kelolaan *National Child Development Research Centre* (NCDRC). Kajian ini melibatkan Informan dalam kalangan guru dan juga ibu bapa yang mana terlibat secara langsung dengan kanak-kanak. Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konseptual keseluruhan kajian, limitasi kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian dan juga definisi operasi yang digunakan di dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan kanak-kanak pada usia tiga tahun pertama adalah sangat penting kerana pada ketika ini perkembangan dan pertumbuhan mereka sangat pesat. Oleh hal yang demikian catatan dan rekod perkembangan kanak-kanak memainkan peranan yang penting bagi ibu bapa dan guru yang mana rekod ini berperanan memberi maklumat berkaitan dengan perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak. Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (2013), menyatakan bahawa proses merekod dan mencatat perkembangan kanak-kanak adalah penting dan ia harus dijalankan oleh guru dan ibu bapa secara berterusan. Amalan merekod perkembangan kanak-kanak harus dijalankan mengikut garis panduan bagi membolehkan kanak-kanak ditaksir dengan baik.

Pentaksiran memainkan peranan yang signifikan di dalam pendidikan awal kanak-kanak. Menurut Kwi (2011), aktiviti pentaksiran menyediakan garis panduan data berkaitan dengan pengetahuan, pemahaman, kebolehan dan minat kanak-kanak. Guru dapat menggunakan maklumat tersebut bagi membangunkan kurikulum yang mana





memberikan pengalaman bermakna kepada kanak-kanak dan menyokong pembelajaran dan perkembangan mereka. Mohd Faizal et al. (2014), menambah dengan menyatakan bahawa hasil di dalam proses pengajaran dan pembelajaran ditentukan dengan tiga elemen iaitu proses pengajaran yang dijalankan oleh guru, aktiviti pentaksiran yang dijalankan ke atas kanak-kanak dan juga pembelajaran yang diperoleh oleh kanak-kanak bagi membolehkan kanak-kanak ditaksir dengan baik dan hasil pentaksiran yang diperolehi adalah sah dan tepat.

Menurut Kim dan Smith (2010), bagi memastikan hasil yang diperolehi daripada pentaksiran adalah sah dan tepat serta menggambarkan perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak, organisasi profesional perlu menyediakan garis panduan bagi menjalankan pentaksiran yang mana diguna pakai sebagai amalan terbaik bagi tujuan penilaian awal kanak-kanak. Nor Mashitah (2017) pula menyatakan, perkembangan bayi dan kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti genetik, persekitaran dan juga budaya. Oleh hal yang demikian, tugas membangunkan instrumen pentaksiran yang sah dan boleh dipercayai bagi menilai perkembangan dan pembelajaran di awal usia lima tahun pertama adalah tugas yang berat bagi pentadbir, penyelidik dan pengamal di dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Kwi (2011), menyatakan maklumat yang diperolehi daripada aktiviti pentaksiran menyumbang kepada perkara penting yang diambil ke atas kanak-kanak seperti meletakkan kanak-kanak khas di dalam program intervensi kanak-kanak. Selain daripada itu, amalan pentaksiran juga berupaya meningkatkan tahap komunikasi antara ibu bapa, profesional dalam bidang, pentadbir dan pihak yang berkepentingan dalam





komuniti serta perundangan. Maklumat daripada amalan pentaksiran ini adalah bertujuan untuk memberikan mekanisma terbaik untuk perkembangan kanak-kanak.

Nor Mashitah (2017), menyatakan pentaksiran kanak-kanak merangkumi tiga peringkat iaitu, merancang, membina instrumen dan mentaksir. Bagi menjalankan aktiviti pentaksiran guru memerlukan kepelbagaian alat pentaksiran bagi mengukur perkembangan kanak-kanak. Menurut Rachel, Lucinda dan Collette (2018), profesional dalam bidang kanak-kanak menggunakan kepelbagaian alat pentaksiran untuk mengenalpasti interaksi, komunikasi, idea dan ekspresi yang bertujuan untuk memahami kekuatan dan keupayaan seorang kanak-kanak. Tambah mereka lagi, guru dalam bidang kanak-kanak cenderung untuk menggunakan teknik pemerhatian di TASKA untuk merekod pembelajaran kanak-kanak. Jururawat dan ahli kesihatan yang lain cenderung menggunakan pentaksiran klinikal bagi mengetahui keupayaan kanak-kanak dan membangunkan program pembangunan kesihatan yang diperlukan disamping mempromosikan sokongan serta pembelajaran bagi pembangunan kanak-kanak.

Menurut Christine dan Deborah (2016), guru boleh mengambil langkah yang mudah untuk mengumpul data pentaksiran di TASKA yang mana guru boleh menggunakan lembaran *tally* atau senarai semak serta mendokumentasikan masa yang mana kanak-kanak cenderung untuk mengikuti atau tidak mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran semasa aktiviti bermain dan juga tempoh transisi. Menurut Bagnato (2010), proses pentaksiran membolehkan ahli profesional mengumpul hasil pembelajaran dan pembangunan setiap kanak-kanak serta menganalisis dan mentaksir data tersebut seterusnya membuat keputusan program intervensi bagi kanak-kanak. Ini





membolehkan ahli profesional bidang kanak-kanak membuat intervensi untuk meningkatkan pembelajaran dan pembangunan kanak-kanak pada masa akan datang.

Glazzard, Chadwick, Webster dan Percival (2010), bersetuju menjalankan pentaksiran ke atas kanak-kanak dengan menjalankan pemerhatian ke atas mereka di dalam suasana pembelajaran yang bebas dan tanpa pembelajaran yang diarahkan oleh orang dewasa (*non adultdirected learning*) dan ia merupakan pentaksiran yang efektif bagi membangunkan gambaran yang komprehensif tentang kemampuan kanak-kanak disamping pentaksiran autentik yang dijalankan di dalam suasana sebenar kanak-kanak belajar.

Brown dan Bortoli (2010), menyatakan ahli profesional dalam bidang kanak-kanak bekerjasama dengan ibu bapa secara rutin dan menyediakan maklumat yang berharga kepada ibu bapa berkenaan maklumat pembelajaran kanak-kanak. Alasuutari (2010), menambah lagi, maklumat yang dikumpul dalam aktiviti pentaksiran akan dimaklumkan pada ibu bapa berkenaan kemajuan kanak-kanak. Beliau menambah lagi kedudukan keluarga adalah penting yang mana mereka perlu mengetahui kemajuan dan keupayaan kanak-kanak khususnya perkembangan kanak-kanak di TASKA.

Pentaksiran seharusnya menjadi pendekatan yang positif bagi melihat perkembangan dalam diri kanak-kanak. Ibu bapa berperanan mengikuti rentetan perkembangan kanak-kanak dalam segala aspek. Renee (2010), menyatakan ibu bapa merupakan golongan yang terlibat secara langsung dengan kanak-kanak dan mereka melihat pentaksiran merupakan usaha untuk mengetahui perkembangan anak-anak mereka. Guru, ibu bapa, komuniti, agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat





memainkan peranan yang global bagi mewujudkan pelbagai pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada kanak-kanak seperti yang dinyatakan oleh Halimah, Eow dan Chuah (2014).

Olmstead (2013), pula mengklarifikasi penglibatan ibu bapa pada dua iaitu penglibatan reaktif dan proaktif. Penglibatan reaktif merujuk pada penglibatan ibu bapa menghadirkan diri di dalam program yang dianjurkan oleh sekolah iaitu mesyuarat ibu bapa, perhimpunan keluarga atau aktiviti sukarelawan dan penglibatan proaktif merujuk pada penyertaan ibu bapa membantu anak-anak menyelesaikan kerja rumah, membincangkan aktiviti sekolah dan mengikuti perkembangan kanak-kanak.

Ortiz, Green dan Lim (2011), menyatakan pembelajaran kanak-kanak dipengaruhi oleh ibu bapa yang celik teknologi yang mana faktor ini menyumbang penglibatan dan peranan ibu bapa di dalam pendidikan anak-anak. Keane, William dan Blicblau (2016) menambah lagi, pembelajaran abad ke-21 melibatkan teknologi dan maklumat mampu mengembangkan kemahiran komunikasi dan memacu hubungan kolaboratif antara ibu bapa dan guru, meningkatkan kreativiti dan juga pemikiran kreatif khususnya bertujuan penyaluran maklumat pentaksiran.

Laporan Utusan Online bertarikh 15 Mac 2018 disunting oleh Tengku Fauziah Ngah menyatakan bahawa pencapaian pelajar di negeri Terengganu mengungguli tangga teratas di dalam pendidikan negara. Laporan tersebut telah menunjukkan pencapaian anak negeri Terengganu mengungguli pencapaian terbaik di dalam peperiksaan awam Malaysia. Kerajaan negeri Terengganu juga mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pusat Minda Terengganu (*MindCet*). Usaha ini dijalankan bagi





melahirkan generasi Ulul Albab serta mewujudkan masyarakat minda kelas pertama. Usaha kerajaan negeri Terengganu mempengaruhi pengkaji untuk menjalankan kajian di negeri ini dan pengkaji ingin mengetahui trend pendidikan dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak di dalam sektor TASKA.

Bahagian Perkembangan Awal Kanak-kanak Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu berfungsi merancang serta menguruskan program yang membantu meningkatkan serta menyempurnakan pertumbuhan dan perkembangan menyeluruh bayi dan kanak-kanak dari segi fizikal, bahasa, sosio-emosi dan kognitif. Selain daripada itu, fungsi yayasan ini juga melaksanakan program yang menggalakkan perkembangan kemahiran keibubapaan serta membantu ibu bapa yang bekerja menguruskan penjagaan bayi dan kanak-kanak. Peranan YPKT juga adalah dengan merancang, mengkaji dan melaksanakan kurikulum dan penambahbaikan yang bersesuaian untuk dilaksanakan di TASKA.

Program latihan dan pembangunan pendidik TASKA juga diadakan tidak kira untuk keperluan yayasan atau pengusaha persendirian. Penyelidikan yang berseuaian dengan fungsi yayasan dalam pendidikan awal kanak-kanak juga dialu-alukan. Peranan yayasan ini dalah merancang aktiviti tahunan TASKA serta memantau perlaksanaan kurikulum dan modul PERMATA. Program dan aktiviti untuk kanak-kanak dan juga ibu bapa turut dilaksanakan berserta dengan pembangunan program NCDC, penilaian PERMATA Q dan renang.

Terdapat empat skop yang difokuskan di dalam kajian ini. Pertama adalah berkaitan amalan pentaksiran yang merangkumi kekerapan pentaksiran, waktu





menjalankan pentaksiran, tindakan susulan selepas pentaksiran dan juga aktiviti pengayaan, pengukuhan dan pemulihan. Skop kedua adalah kepenggunaan garis panduan untuk menjalankan pentaksiran ke atas kanak-kanak. Skop ketiga berkaitan dengan amalan rekod dan laporan pentaksiran guru dan skop keempat berkaitan penglibatan ibu bapa di TASKA PERMATA Keluarga yang mempengaruhi aktiviti dan hasil pentaksiran ke atas kanak-kanak yang melibatkan penglibatan ibu dalam perjumpaan bersemuka dan penglibatan dalam media massa. Latar belakang yang dihuraikan di atas memberi gambaran dan maklumat serba sedikit berkaitan apa yang ingin dikaji di dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan Masalah



Kajian yang dijalankan ini berkaitan amalan pentaksiran yang dijalankan di TASKA yang mana merangkumi amalan pentaksiran yang dijalankan, garis panduan yang digunakan, rekod-rekod yang diamalkan seterusnya penglibatan ibu bapa merangkumi penglibatan bersemuka dan juga tidak bersemuka yang membantu pentaksiran ke atas kanak-kanak. Kajian ini dijalankan berdasarkan pada masalah yang timbul berkaitan skop kajian yang telah dinyatakan.

Grincham dan Pretti (2011) menyatakan pentaksiran di TASKA harus dijalankan dalam suasana yang naturalistik. Aktiviti pentaksiran juga harus dijalankan bersama dengan orang yang kanak-kanak kenali. Faridah Yunus (2013) juga menyatakan bahawa pentaksiran autentik merupakan satu pendekatan pentaksiran yang mana dalam kaedah ini, kepelbagai instrumen boleh digunakan dan diaplikasikan bagi





menilai perkembangan kanak-kanak. Namun, terdapat pencanggahan apabila Hamzah (2011) menyatakan bahawa situasi pentaksiran yang sedia ada di TASKA, TADIKA dan institusi pendidikan yang lain terlalu berorientasikan peperiksaan yang mana diibaratkan sebagai satu perlumbaan bagi mengekalkan prestasi cemerlang.

Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengetahui bagaimana amalan pentaksiran yang dijalankan ke atas kanak-kanak khususnya dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak yang menfokuskan TASKA PERMATA Keluarga YPKT berikutan adanya laporan akhbar berkaitan pencapaian pelajar yang mengungguli tangga teratas dalam pencapaian peperiksaan awam dan situasi ini dikaitkan dengan situasi pentaksiran yang berorientasikan peperiksaan.



anak-anak berdasarkan pada sekumpulan kanak-kanak dan bukan berdasarkan pada keperluan individu. Beliau juga menyatakan nisbah kanak-kanak juga tinggi kepada nisbah guru. Masa juga mempengaruhi pelaksanaan penilaian kanak-kanak disamping kurangnya pembantu guru dalam proses pentaksiran juga mempengaruhi amalan pentaksiran di TASKA. Masa yang lama diperlukan bagi memerhati dan merekod serta mengumpul dan menganalisis serta meringkaskan kesemua rekod. Kekurangan garis panduan, alat dan kriteria yang objektif kepada penilaian juga menjadi masalah mentaksir kanak-kanak.

YPKT merupakan institusi kedua terbesar menyediakan perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak di Terengganu. YPKT juga merupakan satu yayasan di bawah kelolaan kerajaan negeri Terengganu dan taburan TASKA PERMATA Keluarga





di negeri Terengganu adalah menyeluruh di setiap daerah. Oleh hal yang demikian ibu bapa lebih cenderung untuk menghantar anak-anak ke TASKA yaysan tersebut dan nisbah kanak-kanak dan guru meningkat. Yayasan ini juga berperanan menjalankan pemantauan kualiti TASKA serta merancang pelaksanaan kurikulum dan modul PERMATA. Ia juga berperanan merancang aktiviti serta membangunkan program NCDC dan juga penilaian. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetahui samada pelaksanaan aktiviti pentaksiran dijadikan amalan guru mengikut apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak YPKT atau tidak.

Menurut Nor Mashitah (2017), Pada abad ke-21 ini telah berlakunya peningkatan penggunaan alat pengujian untuk mengukur pencapaian dan prestasi pada peringkat awal kanak-kanak dan pada waktu yang sama, ramai ibu bapa dan golongan profesional dalam pendidikan awal kanak-kanak mempersoalkan kurangnya penekanan terhadap alat pengujian terhadap kanak-kanak. Maka strategi pentaksiran pada peringkat awal kanak-kanak perlu memberi faedah kepada mereka dan meningkatkan proses pembelajaran.

Menurut Nor Mashitah (2017), beliau juga menyatakan bahawa hasil pentaksiran mampu memperkembangkan potensi kanak-kanak dalam domain kognitif, afektif dan psikomotor. Namun, beliau menambah dengan menyatakan bahawa amalan pentaksiran tidak mampu dilaksanakan seawal usia iaitu di TASKA kerana tiadanya instrumen pentaksiran dan panduan pentaksiran yang sesuai untuk awal kanak-kanak di bawah usia empat tahun.





Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengetahui amalan rekod dan pelaporan serta instrumen yang digunakan untuk pentaksiran kanak-kanak serta melihat penyaluran maklumat pentaksiran kepada ibu bapa di TASKA PERMATA Keluarga YPKT. Strategi pentaksiran pada peringkat kanak-kanak perlu memberi faedah kepada kanak-kanak itu sendiri dan juga pada ibu bapa. Laporan *online* NCDC juga dilihat sebagai satu medium merekod kanak-kanak dan pelaksanaan sistem maklumat NCDC ini mencakupi kesemua TASKA di bawah kelolaan YPKT.

Siti Eshah et al. (2016), menyatakan kebanyakan daripada guru kurang pengetahuan dan juga kemahiran pentaksiran dan penilaian yang berkesan. Pernyataan ini dikuatkan lagi dengan Laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia (2013), yang mana menunjukkan pengetahuan dan kemahiran proses pembinaan item pentaksiran di dalam



Aktiviti pentaksiran adalah dipengaruhi oleh kemampuan guru untuk melaksanakannya. Guru perlu cakna dengan proses pembinaan item pentaksiran dan juga rekod yang digunakan untuk mentaksir kanak-kanak. YPKT menyediakan program *monitoring* dan *mentoring* kepada pendidik mereka. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengetahui keberkesanan amalan *monitoring* dan *mentoring* tersebut yang membantu pentaksiran guru di TASKA PERMATA Keluarga YPKT.

Menurut Nor Mashitah (2017), pentaksiran yang dijalankan pada peringkat awal kanak-kanak adalah berfokuskan pada perkembangan mereka. Namun, Wortham (2012) ada menyatakan bahawa, pentaksiran di sekolah rendah tidak lagi mengambil





kira minat serta keperluan kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, berlaku percanggahan dimana pada pendidikan awal kanak-kanak pentaksiran dijalankan di TASKA dan TASKA adalah berdasarkan pada perkembangan mereka. Namun memasuki alam persekolahan guru tidak lagi mengambil kira minat dan juga keperluan kanak-kanak. Kwi (2011) juga ada menyatakan bahawa maklumat pentaksiran dan penilain kanak-kanak tidak mempunyai sambungan disebabkan tiada garis panduan yang selari antara institusi pengajian yang lain yang mana pusat pendidikan dan pengasuhan kanak-kanak tidak mempunyai persamaan bingkai untuk penilaian yang digunakan kedua dua TASKA dan pusat penjagaan kanak-kanak dan menyebabkan maklumat kanak-kanak tidak dapat dipindahkan.

Fauziah Hanim, Fairuz 'Ain, Noraini dan Nazirah (2014), menyatakan bahawa halangan yang paling besar untuk ibu bapa melibatkan diri bagi memerhati perkembangan pendidikan anak-anak adalah halangan masa. Ibu bapa yang bekerja mengalami halangan kesuntukan masa bagi melibatkan diri dalam memantau pendidikan anak-anak. Atas alasan ini anak-anak menjadi terbiar dan lebih cenderung untuk melepak bersama rakan-rakan daripada mengulangkaji pelajaran. Rentetan daripada itu, timbul isu lain yang akan membelenggu anak-anak.

Rohaty (2013), pula menyatakan bahawa pusat pendidikan awal tidak kesemuanya mendidik ibu bapa dengan pada kurikulum yang diikuti oleh anak-anak di prasekolah. Ianya hanya muncul di pusat bandar yang mana kaya dengan program ibu bapa. Selain daripada itu beliau menambah penglibatan ibu bapa adalah terhad dalam aktiviti lapangan contohnya menderma untuk membeli kelengkapan seperti kelas kek





serta penganjuran aktiviti seperti hari ibu bapa. Ibu bapa juga kurang menyuarakan pendapat bagi meningkatkan mutu pendidikan kanak-kanak.

Menurut Stephanie (2014), halangan keluarga dalam melibatkan diri di dalam pendidikan anak-anak wujud apabila wujudnya faktor ibu bapa dalam kalangan masyarakat berpendapatan rendah dan mempunyai limitasi akses kepada pengangkutan. Selain daripada itu, beliau juga menyatakan kekangan ini juga berlaku berkaitan dengan jam kerja ibu bapa serta perbezaan budaya memberikan halangan tambahan.

Kemenjadian kanak-kanak bukan hanya dilihat dari sudut pandang pencapaian akademik sahaja bahkan juga membawakan diri mereka memasuki alam pendidikan yang lebih tinggi juga serta membawakan diri dalam kehidupan seharian kanak-kanak itu. Berdasarkan masalah yang dinyatakan di atas adalah asbab terhasilnya kajian ini. Kajian ini berkaitan dengan amalan pentaksiran dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, aktiviti pentaksiran yang berlaku pada peringkat TASKA dan TASKA adalah penting bagi memastikan kesediaan kanak-kanak melangkah ke dimensi masa depan yang lebih baik.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengetahui amalan pentaksiran yang dijalankan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT.
- b) Mengenalpasti garis panduan yang digunakan untuk pelaksanaan pentaksiran di TASKA PERMATA Keluarga YPKT.
- c) Mengetahui amalan rekod dan laporan pentaksiran yang dijalankan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT.
- d) Mengetahui bentuk penglibatan ibu bapa yang membantu amalan pentaksiran di TASKA PERMATA Keluarga YPKT.



1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Bagaimanakah amalan pentaksiran yang dijalankan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?
 - i) Berapa kerapkah pentaksiran dijalankan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?
 - ii) Bilakah guru TASKA PERMATA Keluarga YPKT menjalankan pentaksiran?





- iii) Apakah tindakan susulan yang dilakukan selepas pelaksanaan pentaksiran di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?
- iv) Bagaimanakah aktiviti pengayaan, pengukuhan dan pemulihan dijalankan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?
- b) Apakah panduan yang dirujuk untuk pelaksanaan pentaksiran di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?
- c) Apakah amalan rekod dan laporan yang dijalankan di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?
- d) Apakah bentuk penglibatan ibu bapa yang membantu amalan pentaksiran di TASKA PERMATA Keluarga YPKT?



Kerangka konseptual kajian dibina bagi menerangkan secara ringkas mengenai keseluruhan kajian yang dijalankan berkaitan amalan pentaksiran di TASKA PERMATA Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

Kajian ini menerangkan berkaitan amalan pentaksiran yang dijalankan oleh guru di TASKA PERMATA Keluarga YPKT. Amalan pentaksiran yang ingin dilihat adalah merangkumi kekerapan pelaksanaan pentaksiran, waktu menjalankan pentaksiran, tindakan susulan selepas pentaksiran dan juga aktiviti pengayaan, pengukuhan dan pemulihan yang dijalankan oleh guru.






Menerusi kajian ini, pengkaji juga ingin melihat panduan pentaksiran yang digunakan yang mana TASKA PERMATA Keluarga YPKT kebanyakannya menggunakan Kurikulum PERMATA Negara walaupun TASKA yang dipilih ini dibawah kelolaan kerajaan negeri Terengganu. Pihak YPKT sendiri mempunyai kurikulum sedia ada dan aktiviti berkonsepkan keagamaan diterapkan sahaja di dalam Kurikulum PERMATA yang digunakan. Ini sekaligus menjadikan kurikulum yang digunakan dikolaboratitkan bersama. Selain daripada itu, menerusi kajian ini, pengkaji mampu melihat aktiviti yang dijalankan bersesuaian dengan perkembangan kanak-kanak dan juga pentaksiran kanak-kanak juga adalah selaras dengan usia dan aktiviti yang dijalankan.

Kajian ini membolehkan pengkaji mengetahui amalan rekod yang digunakan oleh guru TASKA PERMATA Keluarga YPKT untuk menjalankan pentaksiran ke atas kanak-kanak. Rekod-rekod yang digunakan mampu menjelaskan apa aktiviti yang dijalankan oleh kanak-kanak dan juga mampu menunjukkan perkembangan kanak-kanak dari semasa ke semasa dan lantaran dengan itu, rekod-rekod ini mampu menjadi *eviden* atau bukti untuk melaporkan kepada ibu bapa.

Penglibatan ibu bapa dari segi perjumpaan bersemuka dan penglibatan di media massa seperti *Group WhatsApp* mampu diketahui oleh pengkaji bila mana pengkaji cenderung untuk melihat penglibatan ibu bapa di dalam program yang diadakan yang mana program ini mampu menjadi medan terbaik bagi guru menyalurkan maklumat pentaksiran kepada ibu bapa serta menerangkan pada ibu bapa berkaitan dengan perkembangan kanak-kanak di TASKA. Aktiviti ini juga mampu menjadi medan diskusi untuk ibu bapa dan guru membincangkan permasalahan anak-anak.





Rajah 1.3. Kerangka Konseptual Kajian



1.7 Definisi Operasi

Terdapat beberapa definisi dan terma yang diguna pakai bagi menerangkan berkaitan kajian ini. Maksud perkataan yang digunakan merangkumi maksud secara keseluruhan dan maksud khusus menjurus pada kajian yang dijalankan ini.

1.7.1 Amalan Pentaksiran

Dewan Bahasa dan Pustaka (2015) mendefinisikan amalan adalah perbuatan yang baik atau perlakuan yang biasa dilakukan dan telah menjadi kebiasaan dan kelaziman seseorang. Bahagian Pembangunan Kurikulum (2013), menyatakan pentaksiran merupakan satu proses bagi mendapatkan maklumat bagi mengetahui perkembangan dan pencapaian murid menggunakan kepelbagaian kaedah dan pendekatan.

Yuliani Nurani dan Bambang (2010) ada menyatakan pentaksiran merupakan satu kegiatan atau aktiviti yang mana bertujuan untuk mengumpul data atau bukti-bukti berkaitan perkembangan kanak-kanak serta hasil pembelajaran yang mana meliputi perkembangan kanak-kanak. Wan Rosliza (2017), menambah pentaksiran merupakan satu proses sistematik yang mana merangkumi proses pengumpulan, menganalisis dan menterjemah keterangan berkaitan pencapaian kanak-kanak berdasarkan objektif pembelajaran yang telah dibentuk.

Rachel, Lucinda dan Collette (2018), menyatakan amalan pentaksiran terbahagi kepada tiga iaitu, penilaian untuk pembelajaran, penilaian pembelajaran dan penilaian sebagai pembelajaran. Penilaian untuk pembelajaran merangkumi profesional



dalam menganalisis data berkenaan kekuatan, kebolehan dan kepentingan membuat kesimpulan yang membantu pembuatan keputusan berkaitan program untuk kanak-kanak. Penilaian pembelajaran penting bagi meningkatkan kekuatan dan kebolehan individu kanak-kanak serta minat mereka. Maklumat pembelajaran kanak-kanak disediakan sebagai maklum balas aktiviti pembelajaran yang dijalankan. Penilaian untuk pembelajaran penting bagi membantu kanak-kanak dalam meningkatkan harga diri dan keyakinan diri kanak-kanak dan mereka belajar bagaimana untuk belajar

Kajian yang dijalankan ini berkaitan amalan pentaksiran yang dijalankan di institusi yang dipilih oleh pengkaji. Konteks amalan pentaksiran yang diguna pakai di dalam kajian ini adalah konsep pentaksiran untuk pembelajaran. Kajian berkaitan kebiasaan dan kelaziman guru TASKA menjalankan amalan pentaksiran ke atas kanak-kanak yang bertujuan untuk mengetahui rentetan perkembangan dan pencapaian kanak-kanak meliputi kekerapan amalan pentaksiran, waktu perlaksanaan pentaksiran, amalan rekod yang digunakan untuk merekod pentaksiran kanak-kanak beserta garis panduan yang digunakan bagi menjalankan pentaksiran ke atas kanak-kanak.

1.7.2 Kanak-Kanak

Parlimen Malaysia (2001), menyatakan di dalam Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611), kanak-kanak membawa maksud seorang individu yang berusia 18 tahun dan ke bawah. Anhusadar (2013), menyatakan lagi, kanak-kanak usia dini adalah kanak-kanak yang berusia lahir hingga lapan tahun yang mana tempoh ini beliau menyatakan jiwa kanak-kanak pada ketika itu masih tidak mampu membezakan minda, rasa dan kemahuan dan



pada usia tersebut nafsu menguasai kanak-kanak bagi memiliki segala keinginan yang diinginkan.

Dalam kajian ini golongan kanak-kanak yang difokuskan adalah pada kanak-kanak yang berusia pada lingkungan umur lahir sehingga lima tahun yang mana mendapat pendidikan awal di institusi pendidikan awal kanak-kanak iaitu TASKA yang terpilih di dalam kajian ini.

1.7.3 Pendidikan Awal Kanak-Kanak

The National Association for The Education Young Children (NAEYC) atau Pertubuhan Kebangsaan bagi Pendidikan Kanak-kanak Muda (2011) mentakrifkan pendidikan awal kanak-kanak merujuk kepada segala bentuk program yang mana memberikan didikan dan asuhan serta layanan dan bimbingan kepada kanak-kanak sedari lahir sehingga mencapai umur lapan tahun dan dalam konteks Malaysia pendidikan Awal Kanak-kanak merujuk pada program yang disediakan bagi kanak-kanak berusia lahir sehingga lapan tahun mencakupi jagaan di taman asuhan dan taman didikan kanak-kanak, prasekolah mahupun sekolah rendah.

Morrison (2011), menambah pendidikan awal kanak-kanak didefinisikan sebagai program secara sepenuh masa atau separuh masa yang disediakan di pusat, rumah, institusi seperti TASKA mahupun TASKA bahkan juga sekolah yang menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak yang berusia lahir sehingga lapan tahun.



Pendidikan awal kanak-kanak di dalam kajian ini merujuk kepada institusi TASKA di bawah kelolaan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu yang mana menyediakan perkhidmatan penjagaan, pengasuhan dan juga perkembangan awal kanak-kanak.

1.7.4 Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)

Parlimen Malaysia (1984), di dalam Seksyen 2, Akta 308 iaitu Akta Taman Asuhan Kanak-kanak menyatakan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) adalah mana-mana premis yang menerima masuk empat orang atau lebih kanak-kanak yang berusia empat tahun dan kebawah dan mendapat upah serta menyediakan asuhan bagi kanak-kanak tersebut. Taman Asuhan Kanak-kanak Berdaftar merujuk kepada Taman Asuhan Kanak-kanak yang mana didaftarkan di bawah Seksyen 6(1). Terdapat empat kategori TASKA yang didaftarkan di dalam Seksyen 5 bawah Akta 308 ini iaitu TASKA di institusi, TASKA tempat kerja, TASKA Komuniti dan juga TASKA rumah.

Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) di dalam kajian ini adalah merujuk kepada TASKA PERMATA Keluarga di bawah kelolaan Yayasan pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT) yang berperanan menyediakan pusat perkhidmatan, penjagaan, pengasuhan dan perkembangan awal kanak-kanak. TASKA PERMATA Keluarga di bawah kelolaan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu dijadikan agensi untuk menjalankan kajian ini. Guru-guru dan ibu bapa yang mana terlibat secara langsung dengan TASKA PERMATA Keluarga YPKT ini dipilih sebagai Informan kajian ini.

1.7.5 Perkembangan Kanak-Kanak

Perubahan seseorang dalam satu tempoh tertentu adalah proses perkembangan. Worthan (2012), menyatakan perkembangan adalah dipengaruhi oleh umur kanak-kanak secara kronologi, kadar kematangan dan juga pengalaman yang dilalui oleh seseorang individu. Perkembangan berlaku secara kuantitatif yang boleh dinilai seperti perkembangan fizikal seperti berat tinggi dan sebagainya dan juga perkembangan secara kualitatif seperti perubahan emosi, penguasaan bahasa kanak-kanak dan sebagainya.

Kajian ini adalah bertujuan melihat amalan pentaksiran kanak-kanak yang mana amalan atau kebiasaan yang dijalankan oleh guru bagi melihat perkembangan kanak-kanak. Rekod-rekod yang digunakan bagi merekod perkembangan kanak-kanak juga dilihat serta aktiviti yang dijalankan yang sesuai dengan usia dan kemampuan kanak-kanak juga bagi mengetahui perkembangan mereka menerusi aktiviti pentaksiran yang dijalankan oleh guru.

1.7.6 Rekod

Parlimen Malaysia (2003), di dalam Akta 629, Akta Arkib Negara mendefinisikan rekod adalah bahan yang berbentuk penulisan atau berbentuk lain yang mana menyatakan fakta mahupun peristiwa atau merakamkan maklumat. Rekod juga diklasifikasi berbentuk kertas, dokumen, daftar mahupun bahan bercetak, buku, peta, pelan, lukisan, gambar foto, bahkan juga mikrofilem, filem sinematograf dan juga



rakaman bunyi. Sesuatu yang dihasilkan secara elektronik yang mana tidak mengira bentuk mahupun ciri-ciri fizikal dan apa juga salinan daripadanya juga dikatakan rekod.

Kajian ini menjelaskan berkaitan rekod yang digunakan bagi tujuan pentaksiran yang mana rekod-rekod tersebut diguna pakai oleh guru-guru bagi merekod perkembangan kanak-kanak. Antara rekod yang digunakan adalah buku log, rekod laporan naratif yang berbentuk rekod anekdot dan rekod berterusan, Buku Rekod Pentaksiran Perkembangan Kanak-kanak PERMATA, catatan buku kecil dan juga rekod laporan *online National Child Data Center* (NCDC).

1.7.7 Ibu Bapa



Ibu bapa menurut Hornby (2011), adalah orang yang mana berhubung dan juga terlibat secara langsung di dalam menjaga kanak-kanak. Ibu bapa bukan hanya tertumpu pada ibu dan bapa bahkan juga datuk, nenek, ibu bapa angkat mahupun penjaga. Ibu bapa bertanggungjawab untuk mendidik dan membimbing kanak-kanak untuk kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang.

Ibu bapa di dalam kajian ini merujuk pada ibu bapa yang terlibat sebagai Informan kajian yang menghantar anak-anak ke TASKA PERMATA Keluarga YPKT yang mana anak-anak mereka menjalani asuhan dan didikan di TASKA tersebut





1.7.8 Penglibatan Ibu Bapa

Maksud penglibatan ibu bapa adalah bergantung kepada pengalaman masing-masing. Menurut Fauziah Hanim, Fairuz 'Ain, Noraini, dan Nazariah (2014), penglibatan ibu bapa di dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah satu *complimentary learning* iaitu pembelajaran saling melengkapi yang mana membantu pencapaian segala keperluan serta kejayaan kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa di dalam kajian ini merujuk pada penglibatan ibu bapa secara reaktif iaitu dari segi penglibatan di dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak TASKA seperti program temu murni, penglibatan empat jam sebulan dan penglibatan di dalam aktiviti dan juga media masa seperti group *Whatsapp* dan penglibatan proaktif yang mana melihat penglibatan ibu bapa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti pentaksiran di TASKA.



1.8 Limitasi Kajian

Ghazali dan Sufean (2016), menyatakan limitasi kajian merujuk kepada batasan had dari aspek metodologi kajian seperti batasan sampel yang dipilih, batasan lokasi kajian, batasan instrumentasi yang digunakan, batasan prosedur kajian, batasan kesahan kajian dan kebolehpercayaan kajian, batasan skop kajian, batasan pemboleh ubah yang ada di dalam kajian, batasan tajuk kajian dan juga batasan dari segi terjemahan yang digunakan di dalam kajian.

Terdapat limitasi yang membatasi kajian ini antaranya ialah kajian ini melibatkan skop Informan yang tidak merangkumi keseluruhan negara Malaysia. Oleh





hal yang demikian kajian ini hanya dijalankan di satu zon sahaja dan memilih hanya satu agensi yang terlibat di dalam pendidikan awal kanak-kanak sahaja sedangkan Malaysia terbahagi kepada beberapa zon iaitu Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan, Zon Timur dan juga Zon Sabah Sarawak tidak terkecuali Zon Wilayah Persekutuan. Agensi yang terlibat di dalam pendidikan awal kanak-kanak juga banyak seperti KEMAS, KPM, JPNIN serta agensi swasta. Namun kajian ini hanya melibatkan salah satu zon dan salah satu agensi. Hasil kajian ini hanya terbatas pada satu agensi dan juga satu-satu negeri sahaja.

Waktu membatasi kajian ini dimana kajian ini memerlukan masa yang lama bagi menyempurnakan kajian dan membolehkan hasil dan maklumat diproses dengan sebaiknya. Masa membatasi kajian ini dimana setiap gerak kerja yang telah diatur hendaklah diikuti dengan sebaiknya oleh pengkaji bagi memudahkan kajian dijalankan dan juga membolehkan kajian disiapkan di dalam waktu yang telah ditetapkan. Waktu untuk berjumpa dengan Informan juga harus diurus dengan baik kerana bagi mendapatkan maklum balas daripada Informan yang terlibat memerlukan pengkaji untuk membuat temu janji bersama Informan atas sebab keterbatasan waktu bekerja yang berbeza dan juga sesi persekolahan yang membatasi masa Informan. Ini bagi mengelakkan Informan merasa terganggu dengan kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji dan Informan mampu memberikan kerjasama yang baik dan juga hasil kajian dan juga objektif kajian ini tercapai.

Kerjasama daripada Informan juga memlimitasi kajian ini dimana setiap daripada Informan yang mengikuti sesi temu bual tidak semua memberikan kerjasama yang baik. Kerjasama yang baik di antara pengkaji dan juga Informan penting bagi membolehkan





Informan dan juga pengkaji selesa dan serasi bersama sesuai dengan etika penyelidikan. Kajian ini melibatkan guru dan ibu bapa di dalam pendidikan awal kanak-kanak. Limitasi untuk mendapatkan kerjasama daripada kesemua orang perseorangan dan juga pihak yang berkepentingan di dalam kajian ini adalah agak terbatas. Pengkaji perlu menyusun waktu yang sesuai bagi mengumpul data kajian daripada Informan.

Secara keseluruhannya, limitasi kajian yang dikemukakan mampu diatasi oleh pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan buat pengkaji yang lain dan memberi garis panduan pada penghasilan kajian yang lebih terperinci pada masa akan datang.



Kajian yang dijalankan ini mempunyai kepentingannya dimana memfokuskan kepada perkembangan kanak-kanak dan umumnya kepada mereka yang terlibat di dalam pendidikan awal kanak-kanak secara langsung atau tidak langsung. Kajian yang dijalankan ini penting kepada:

- a) Guru dimana hasil kajian ini mampu membantu guru menjalankan pentaksiran yang memfokuskan pada perkembangan kanak-kanak dengan lebih efisien dan juga tersusun. Kajian ini juga mampu menerangkan kepada guru berkaitan dengan kepentingan menjalankan pentaksiran terhadap perkembangan kanak-kanak dan membolehkan guru memandang pentaksiran ini adalah mesti di dalam sistem pendidikan awal kanak-kanak.





- b) Pengasuh TASKA juga memperoleh manfaat daripada kajian ini dimana menerusi kajian yang dijalankan ini diharap mampu membuka mata pengasuh yang mengajar di TASKA tentang pentingnya pentaksiran ke atas kanak-kanak sedari bayi lagi. Ini bagi membolehkan perkembangan kanak-kanak dipantau dari masa ke semasa dan membolehkan perkembangan mereka berlaku secara holistik. Selain daripada itu, kajian ini mampu membuka mata pengasuh bahawa peranan mereka di TASKA bukan hanya sekadar menyediakan pengasuhan kepada kanak-kanak bahkan juga membantu dalam melihat dan merekod perkembangan dan pertumbuhan seorang kanak-kanak.
- c) Pengusaha TASKA dan TADIKA juga memperoleh manfaat daripada kajian ini dimana setiap daripada pelopor pendidikan awal kanak-kanak khususnya pengusaha TASKA dan TADIKA tidak harus memandang unsur kewangan sahaja dalam membina empayar perniagaan dalam pendidikan kanak-kanak. Setiap daripada pengusaha TASKA dan TADIKA yang menceburkan diri di dalam perniagaan berasaskan pendidikan ini harus ambil peduli dan cakna tentang sistem pentaksiran yang diguna pakai bagi mengukur perkembangan kanak-kanak. Selain daripada itu, pengusaha TASKA dan TADIKA juga perlu mengambil langkah proaktif kepada pekerjaanya yang terlibat di dalam pendidikan awal kanak-kanak dengan menyediakan kursus-kursus yang berkaitan pentadbiran pentaksiran ke atas kanak-kanak agar guru kompeten mempelajari ilmu dan juga mengaplikasikan ilmu serta guru mampu menjalankan pentaksiran ke atas kanak-kanak secara telus.
- d) Pegawai kerajaan dan pakar bidang pendidikan awal kanak-kanak juga boleh jadikan kajian ini sebagai rujukan bagi kajian pada masa akan datang iaitu kajian yang berfokuskan dalam bidang pendidikan awal usia. Kajian yang





dijalankan ini mampu memberikan cetusan idea kepada orang perseorangan yang terlibat secara langsung di dalam pendidikan awal kanak-kanak bagi menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi yang boleh membangunkan pendidikan awal kanak-kanak khususnya dalam skop penilaian dan pentaksiran kanak-kanak.

- e) Penggubal kurikulum dimana hasil kajian ini secara tidak langsung memberi gambaran berkaitan dengan amalan pentaksiran yang berlaku di TASKA. Pindaan kurikulum yang lebih baik serta sistematik dan teratur yang membolehkan pentaksiran yang dijalankan ke atas kanak-kanak dinilai secara holistik dan standard-standard pengajaran yang direka mampu membentuk perkembangan dan juga bersesuaian dengan tahap kanak-kanak.
- f) Kementerian Pelajaran harus cakna dengan hasil kajian ini kerana penstrukturan semula amalan penilaian dan pentaksiran di dalam struktur pendidikan Malaysia mempengaruhi amalan pentaksiran perkembangan pelajar khususnya dalam skop pentaksiran awal kanak-kanak. Kebersamaan golongan atasan yang menggubal dokumen rujukan dan golongan guru yang mengimplimentasi aktiviti pendidikan harus seiring bagi membolehkan kanak-kanak ditaksir dengan telus dan hasil pentaksiran awal kanak-kanak mampu dirujuk merentasi pelbagai tahap pendidikan.
- g) Peranan ibu bapa dalam melibatkan diri di dalam pendidikan anak-anak adalah penting. Oleh hal yang demikian, hasil kajian ini adalah penting bagi golongan ibu bapa yang mana hasil kajian ini mampu membuka minda ibu bapa berkaitan amalan pentaksiran kanak-kanak. Ibu bapa seharusnya lebih proaktif dalam penganjuran aktiviti di TASKA yang mana keterlibatan ibu bapa di dalam





penganjuran aktiviti yang diadakan mampu meningkatkan pencapaian kanak-kanak di TASKA dan juga TADIKA.

1.10 Rumusan

Proses pentaksiran adalah proses yang penting bagi mengukur perkembangan kanak-kanak. Tanpa aktiviti pentaksiran, pelaksanaan satu program kanak-kanak dianggap satu program yang merugikan kerana tidak mampu menjelmakan hasil yang baik. Ini kerana menerusi aktiviti pentaksiran yang dijalankan membolehkan intervensi yang terbaik direka bagi membantu kanak-kanak mencapai perkembangan maksima di awal usia serta aktiviti pentaksiran merupakan medan bagi menguji keberkesanan satu

program.



Bab satu merangkumkan berkenaan latar belakang kajian yang dijalankan. Kajian ini menjurus kepada amalan pentaksiran yang diamalkan di TASKA PERMATA Keluarga Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu. Objektif kajian yang dibentuk diharap mampu dicapai setelah akhir pelaksanaan kajian. Diharap kajian ini adalah kajian yang berimpak dan memberi kesan positif kepada pihak lain

